

Jamaluddin ke London temui pemegang saham

Oleh Abdul Halim Yusoff

BH 25 SEP 2000

PENGERUSI Tenaga Nasional Bhd (TNB) Datuk Dr Jamaluddin Mohd Jarjis akan menyertai rombongan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke London awal bulan depan untuk berjumpa dengan pelabur asing dan pemegang sahamnya.

Pertemuan di London itu yang diadakan sebagai sebahagian daripada program promosi sahamnya, adalah yang pertama bagi Jamaluddin sesudah dilantik menjadi pengerusi TNB pada 1 September lalu.

TNB akan melantik syarikat broker saham tertentu untuk melaksanakan tujuan syarikat menjual sahamnya kepada pelabur asing dan pengurus dana antarabangsa ketika berada di sana.

Jamaluddin berkata, antara agenda utama beliau ke sana adalah menemui pemegang saham TNB bagi

Lawatan itu dijangka dijadikan wadah untuk menerangkan rangka pembangunan seterusnya bagi TNB sesudah kontrak Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Dr Ahmad Tajudin Ali tidak dilanjutkan

memberikan mereka pelbagai maklumat terkini mengenai kedudukan syarikat mereka.

"Saya juga akan melawat syarikat utiliti di sana bagi melihat dan menggunakan pakai pembaharuan yang mereka amalkan terutama dalam aspek teknologi maklumat (IT)," katanya dalam pertemuan dengan media di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Pelantikan Jamaluddin, seorang jurutera yang juga

ahli Parlimen Rompin, mendapat pelbagai reaksi di kalangan pelabur dan menjadi hangat kerana ia dikatakan berkaitan dengan kejatuhan harga saham TNB.

Penganalisis berkata, lawatan Jamaluddin ke London itu dilihat sebagai usahanya memberikan penjelasan kepada pemegang saham bahawa beliau yang sebelum ini Naib Pengerusi Eksekutif EPE Power Corporation Bhd (EPE Power), layak mengisi jawatan itu.

Lawatan itu dijangka dijadikan wadah kepada Jamaluddin untuk menerangkan rangka pembangunan seterusnya bagi TNB sesudah kontrak Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Dr Ahmad Tajudin Ali tidak dilanjutkan.

Jamaluddin dalam pertemuan dengan media minggu lalu menegaskan tiada perubahan dasar di TNB, sebaliknya pasukan pengurusan baru akan memulakan visi mereka daripada tapak yang sudah ditinggalkan Ahmad Tajudin.

Ahmad Tajudin meletakkan visi TNB hanya menghusus dalam penghantaran dan pengagihan tenaga dengan melupakan sebahagian besar loji penjanaan tenaganya bagi membolehkan industri tenaga tempatan yang disertai penjana bebas (IPP) bersaing di landasan yang selesa.

TNB sehingga kini merancang melupuskan tujuh loji tenaganya. Dua daripadanya iaitu di Melaka dan Kapar Klang sudah dijual kepada IPP.

Dengan memfokus kepada penghantaran dan pengagihan, lembaran imbitan TNB dapat diperbaiki kerana pembabitan dalam kegiatan penjaan memerlukan pelaburan yang sangat tinggi.

Keputusan kewangan TNB yang berakhir 31 Ogos 2000 dijangka diumumkan bulan depan atau November dijangka menyaksikan merekodkan keuntungan sebelum cukai lebih RM2 bilion. Bagi tempoh sembilan bulan sehingga 31 Julai, TNB merekodkan keuntungan sebelum cukai RM1.64 bilion.

Memandangkan fokus sekarang kepada pengagihan dan penghantaran,

Jamaluddin berkata, TNB sedang melihat kepada aliran pendapatan baru kepada syarikat dan mengurangkan kos.

"Potensi pendapatan baru kepada syarikat mungkin datang daripada simpanan tanahnya dan aset hartanah selain peluang yang muncul daripada Ekonomi Baru sebagai contoh memanfaatkan asas pelanggannya yang lebih lima juta dengan rangkaian gentian optiknya," katanya.

TNB mungkin bekerjasama dengan pihak lain untuk memajukan simpanan tanahnya yang terletak di kawasan strategik di beberapa bandar utama.